

TALKING POINT

BRIG. JENERAL DATUK PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN MAKMAL FPGA ALTERA-NCIA-UniMAP DAN

MAJLIS GRADUASI KURSUS PROFESIONAL FPGA

PADA 30 APRIL 2014

Bismillahirrahmanirrahim,

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,

Salam Ilmu, Keikhlasan, dan Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Yang Berbahagia, Datuk Dr Mohd Sofi Osman, Pengarah Urusan dan Naib Presiden Asia Pasifik Altera Corp. Sdn Bhd, merangkap Ahli Lembaga Pengarah Universiti Malaysia Perlis

Yang Berbahagia, Dato Redza Rafiq bin Abdul Razak, Ketua Eksekutif, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA)

Yang Berbahagia Timbalan-Timbalan Naib Canselor UniMAP,

Yang Berbahagia Pegawai-pegawai Utama Universiti

Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Yufridin Wahab, Pengurus Pusat Kecemerlangan Industri AMBIENCE, Universiti Malaysia Perlis

Yang Berusaha Penolong-penolong Naib Canselor UniMAP

Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan

Wakil-wakil Industri, Graduan-graduan Profesional FPGA

Wakil-wakil media, seterusnya Warga UniMAP yang dikasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Pertama sekali, izinkan saya memanjatkan kesyukuran ke hadhrat Ilahi kerana dengan limpah keizinanNya dapat kita bersama-sama dalam majlis perasmian makmal FPGA Altera NCIA UniMAP dan Majlis Graduasi Kursus Profesional FPGA.
2. Setinggi-tinggi penghargaan saya titipkan buat Yang Berbahagia, Dato Redza Rafiq bin Abdul Razak dan Yang Berbahagia Datuk Dr Mohd Sofi Osman di atas kesudian menghadirkan diri dan meluangkan masa bersama kita pada pagi ini. Kehadiran mereka di sini menunjukkan kesungguhan pihak NCIA dan Altera dalam usahasama merealisasikan impian UniMAP untuk maju ke hadapan dalam bidang teknologi mikrofabrikasi MEMS dan teknologi FPGA.
3. Seterusnya, jutaan terima kasih saya ungkapkan juga buat **AMBIENCE** dan **PPK Mikroelektronik** di atas penganjuran majlis yang penuh bersejarah ini, terutamanya **Prof. Madya Dr Yufridin Wahab**, yang terlibat secara langsung dengan program ini. Tidak ketinggalan, sekalung apresiasi saya ucapkan kepada pihak jawatankuasa perlaksana yang bertungkus-lumus dan memberikan kerjasama terbaik dalam memastikan kelancaran majlis ini. Hanya Allah S.W.T. sahaja yang mampu membalasnya.

Hadirin sekalian,

AMBIENCE

4. Majlis hari ini merupakan detik bersejarah bagi warga UniMAP untuk lakaran masa depan yang lebih mapan. Hal ini kerana, Pusat Kecemerlangan Industri AMBIENCE yang telah dirasmikan pada **22**

Disediakan Ambience diedit Unit Media

November 2012 ini mempunyai nilai yang cukup signifikan dalam membawa noktah misi universiti ke arah yang lebih tinggi.

5. Untuk makluman semua, Pusat Kecemerlangan Industri AMBIENCE ini adalah sebuah tempat rujukan dan penyelidikan dalam bidang Microelectromechanical Systems ataupun singkatannya (MEMS). AMBIENCE adalah singkatan daripada *Advanced Multidisciplinary MEMS Based Integrated Electronics NCER Centre of Excellence*. UniMAP cukup bertuah kerana Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik telah diberi peluang dan kepercayaan oleh Altera dan *Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)* untuk **meluaskan penyelidikan intensif dalam bidang teknologi FPGA selain daripada MEMS**.
6. Malah yang lebih membanggakan, kemudahan yang lengkap sebegini merupakan yang pertama seumpamanya di wilayah utara. Melalui kerjasama pintar kedua-dua syarikat ini bersama universiti, UniMAP dilihat bergerak seiring dengan matlamat kerajaan untuk menggapai keberjayaan akademik yang dilapis dengan nilai tambah efektif sejajar dengan landasan Plan Aspirasi Malaysia Ke-10.

Hadirin sekalian

7. Detik ini juga bakal menjadi permulaan buat warga UniMAP untuk mara ke hadapan, menggapai impian serta menggalas tanggungjawab membentuk masa depan agar negara terus dikemudi modal insan yang cemerlang.
8. Saya percaya dengan adanya kerjasama ini, bukan hanya memberi manfaat kepada UniMAP dari segi pengajaran dan pembelajaran, malah berupaya membantu penyelidik UniMAP menghasilkan penyelidikan yang bermutu tinggi selain menjadi tempat rujukan industri sekitar

seluruh negara untuk bidang mikrofabrikasi, MEMS dan teknologi FPGA.

Hadirin sekalian

MAKMAL FPGA ALTERA-NCIA-UniMAP

9. Makmal FPGA Altera-NCIA_UniMAP ini akan menjadi pusat rujukan dan penyelidikan bertaraf industri seumpamanya yang pertama di Malaysia dan menerusi nasihat industri, ia bakal digunakan bagi kerjasama penyelidikan dan pembangunan bersama industri.
10. Bertepatan dengan misi universiti, pusat kecemerlangan ini dilihat sebagai pelengkap perancangan universiti dalam usaha menyediakan kemudahan kondusif demi menjana keintelektualan inovatif. Malah, melalui kerjasama bersama NCIA dan Altera ini, **UniMAP menjadi universiti pertama di Malaysia yang mempunyai makmal yang fokus seratus peratus kepada Rekabentuk & Fabrikasi MEMS dan juga teknologi FPGA.**
11. Secara asasnya, garapan universiti amat jelas, agar nilai-nilai tambah seperti budaya inovasi, output berkualiti serta nilai intelektual mahasiswa dapat dibentuk dalam usaha memacu universiti ke arah kejayaan yang progresif merentasi kemudahan kelas pertama. Selain itu, saya juga berharap, para peserta kursus profesional FPGA yang telah berjaya melengkapkan kursus masing-masing, untuk terus maju dalam kehidupan masa depan. Nilai tambah yang digarap diharapkan dapat meningkatkan produktiviti diri dalam usaha melahirkan modal insan yang berkualiti dalam segenap segi.

PENUTUP

12. Akhir kata, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua dif kehormat dan tetamu jemputan yang sentiasa memberikan sokongan padu terhadap pembangunan dan kemajuan modal insan khususnya di UniMAP selama ini. Besarlah harapan saya agar sokongan dan kerjasama ini terus berkekalan. Saya memohon seribu kemaafan jika terdapat sebarang kekurangan pada majlis kali ini.

Madah diungkap santun bitara,

Pantun dilantun mengusik hati,

Salah dan silap tutur bicara,

Pohon diampun seikhlas hati,

Terbangnya Helang Tanpa Arah,

Terbangnya Melayang Tinggi Diudara,

Kita Universiti Pendokong Amanah,

Melahirkan Modal Insan Penggerak Negara.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Makmal FPGA Altera-NCIA-UniMAP**

Sekian,

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.